

“Beberapa langkah penjanaan IPTA terdiri daripada pelbagai sumber termasuk penggunaan aset maksimum, wakaf, jalinan alumni, geran pendidikan luar negara serta pengkomersialan produk dan idea

Mary Yap Kain Ching

PARLIMEN

Cari inisiatif jana pendapatan sendiri

■ Unimas, UTM contoh terbaik usaha IPTA tambah dana

BERNAMA
Kuala Lumpur

Kejayaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) membeli 15 blok perumahan dengan kos RM52 juta untuk kegunaan 3,000 penuntut antara bukti usaha penjanaan pen-

dapatan sendiri yang dilaksanakan institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching berkata, ia selaras hasrat kementerian mempergiat usaha universiti awam menjana pendapatan sendiri, selain menerima 80 peratus peruntukan dana

daripada kerajaan.

“Beberapa langkah penjanaan IPTA terdiri daripada pelbagai sumber termasuk penggunaan aset maksimum, wakaf, jalinan alumni, geran pendidikan luar negara serta pengkomersialan produk dan idea,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Azman Ismail (PKR-Kuala Kedah) yang ingin tahu senarai kejayaan IPTA dalam menjana pendapatan sendiri dan IPTA paling berjaya.

Yap berkata, antara kejayaan lain ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur yang membangunkan 500 unit pengi-

napan dengan pinjaman bank RM180 juta dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendapat sumbangan Yayasan Bukhari untuk pembinaan auditorium RM40 juta.

Katanya, adalah menjadi usaha kementerian menggalakkan pelajar dan pensyarah membabitkan diri dalam

bidang keusahawanan selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 untuk melahirkan graduan holistik, seimbang dan memiliki ciri usahawan.

Dari segi wakaf, beliau berkata, dana wakaf terkumpul pada tahun lalu diterajui Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan nilai RM7.5 juta.

